

NCIA pelopori pembangunan usahawan ternak di Pondok Tanjung

20/8
um

Oleh **KHAIRUL ABIDIN NUAR**
khairul.nuar@utusan.com.my

LARUT 19 Ogos - Pihak Berkua-
sa Pelaksanaan Koridor Utara
(NCIA) bakal menyumbang kepada
perkembangan rantaian bekalan
industri ternakan ruminan negara
apabila memperuntuk sebanyak
RM4.48 juta bagi membimbing lima
usahawan ternak di bawah Major
Transglobal Sdn. Bhd. (MTG) se-
bagai syarikat peneraju.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Redza
Rafiq berkata, inisiatif tersebut merang-
kumi pembiakan baka kambing bagi
mbolehkan usahawan-usahawan
berkenaan memulakan ladang komer-
sial di kawasan Pondok Tanjung dekat
sini sekali gus mewujudkan beberapa
ladang pengganda.

"Bagi tahun pertama, mere-
ka akan diberikan elaun sebanyak
RM1,000 sebulan bagi menjalani
program latihan sambil bekerja.

"Kita akan melihat kepada hasil-
nya. Sekiranya ia memberangsang-
kan, kita akan perkembangkannya
lagi kepada 20 orang dan lima indivi-
du yang kita pilih ini akan menja-
di *mentor* atau pembimbing kepada
bakal pengusaha yang lain," katanya.

Beliau berkata demikian selepas
perasmian Program Pembangunan
Usahawan Pengganda Koridor Utara
yang disempurnakan oleh Menteri
Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd.
Kadir di Pondok Tanjung dekat sini,
hari ini.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan
Negeri, Datuk Seri Abdul Puhat Mat
Nayan; Pengerusi Jawatankuasa
Pembangunan Luar Bandar, Pertani-
an, Perladangan, Pengerahan dan
Pembangunan Modal Insan negeri,
Datuk Saarani Mohamad dan Ahli
Parlimen Larut, Datuk Hamzah Zai-
nuddin.

Antara lima usahawan ternak
yang dipilih bagi menyertai pro-
gram tersebut merangkumi pengusa-
ha dari seluruh negeri Perak iaitu
Zuriati Mohd Zabidi dan Shamsul
Kamal mewakili Pertubuhan Pelad-
ang Kawasan (PPK) Larut, Matang
dan Selama; Fatimah Ibrahim (Hilir
Perak) dan Halim Mat Sham (Kinta).

Program tersebut yang turut di-
anjurkan dengan kerjasama Jaba-
tan Perkhidmatan Veterinar (JPV),
antara lain menekankan kepada
peranan swasta dalam menerajui
pembangunan ekonomi negara tanpa
mengabaikan sumbangan sosial
kepada masyarakat.

Cetusan inisiatif tersebut juga
terhasil susulan memorandum per-
sefahaman yang telah ditandata-
ngani antara NCIA dan (JPV) dalam
pembangunan Pusat Pembiakan Boer
Kebangsaan sebelum ini dengan MTG
dilantik untuk mengusahakan pemu-



ZAMBRY ABD KADIR (tengah), Redza Rafiq (empat dari kanan), Hamzah Zainuddin (enam dari kanan) dan Abdul Puhat Mat Nayan (lapan dari kanan) bergambar dengan lima peserta usahawan ternak pada Majlis Perasmian Program Pembangunan Usahawan Ladang Pengganda Koridor Utara di Pondok Tanjung Selama di Perak, semalam.

Program usahawan pengganda itu juga bertujuan melahirkan pengusaha yang kental bagi menjalankan penternakan komersial bagi menampung sasaran pengeluaran daging kambing mencecah 30 peratus tahap sara diri negara (SSL) menjelang tahun 2020."

REDZA RAFIQ
Ketua Eksekutif NCIA

lian kawasan Pondok Tanjung.

Dalam pada itu, Redza berkata, program usahawan pengganda itu juga bertujuan melahirkan pengusa-
ha yang kental bagi menjalankan
penternakan komersial bagi
menampung sasaran pengeluaran
daging kambing mencecah 30 per-
atus tahap sara diri negara (SSL) men-
jelang tahun 2020.

Menurut beliau, langkah itu se-
kali gus mampu mengurangkan kos
pengimportan baka dari luar negara
untuk tujuan pembiakan.

"Dengan penglibatan syarikat
swasta, ia bukan sahaja dapat memu-
dahkan pemindahan pengetahuan,
malah, kira-kira 200 peluang peker-
jaan turut dijangka dapat diwujudkan
kelak," katanya.

Sementara itu, Zambry menasi-

atkan agar projek pembangunan
usahawan tersebut tidak sekadar
hanya mampu diperhatikan oleh
penduduk setempat khususnya da-
lam Parlimen Larut.

"Saya selalu tekankan dalam ma-
na-mana aspek pembangunan, kita
mesti memberikan manfaat juga ke-
pada penduduk di sekeliling kerana
perkara itu sangat penting," katanya.

Difahamkan, jumlah pengelu-
ran daging kambing negeri Perak
pada tahun lalu mencecah 155.70
tan metrik dengan nilai RM6.3 juta.

Sehubungan itu, dengan pem-
bangunan projek tersebut, bila-
dahkan ternakan kambing dan pen-
ternaknya yang kini masing-masing
mencecah 31,343 ekor dan 848
orang, dijangka dapat terus dilon-
jakan.



ZAMBRY ABD KADIR melihat kambing Boer yang ditenak oleh peserta usahawan ternak dalam Program Pembangunan Usahawan Ladang Pengganda Koridor Utara di kandang kambing Pondok Tanjung Selama, Perak.

info PERUNTUKAN NCIA KEPADA INDUSTRI TERNAKAN RUMINAN KECIL PERAK

Pembelian 1,125 ekor induk
dan 45 pejantan Boer
(Setiap usahawan menerima
225 ekor induk dan 9 ekor
pejantan Boer).

Pembinaan lima buah
kandang berkapasiti 400
ekor setiap satu

Pembinaan lima buah rumah
usahawan

Pembinaan lima buah rumah
pekerja

Penyaluran telaga tiub
berkapasiti 400 gelen/jam

Penyediaan dua buah traktor,
empat buah treler dan dua
buah penuai

Pembinaan jalan masuk,
pagar perimeter dan
bekalan elektrik